



MAJLIS BANDARAYA KUALA TERENGGANU

KENYATAAN TAWARAN

Tawaran adalah dipelawa kepada **kontraktor Bumiputera** yang mempunyai **Sijil Perakuan Pendaftaran** dan **Sijil Perolehan Kerja Kerajaan (SPKK)** berdaftar dengan 'Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia' (CIDB) serta **Sijil Taraf Bumiputera** oleh **Pusat Khidmat Kontraktor (PKK)** dalam **Gred, Kategori dan Pengkhususan** berkaitan yang masih sah membuat tawaran bagi kerja berikut :

BIL	BUTIR-BUTIR TAWARAN	GRED, KATEGORI & PENGKHUSUSAN	TARIKH, MASA TAKLIMAT & TEMPAT LAWATAN TAPAK	HARGA DOKUMEN
1	KERJA-KERJA PENGGANTIAN 1 UNIT LIF DAN KERJA-KERJA BERKAITAN DI PANGSAPURI KAMPUNG TIONG. (MBKT SH 21 / 2024)	Gred : G3/G4/G5/G6/G7 Kategori : ME Pengkhususan : M 03	31 MAC 2024 (AHAD) 9.00 PAGI PENDAFTARAN & TAKLIMAT: BILIK LATIHAN, TINGKAT 6, MENARA MBKT, KUALA TERENGGANU. (DIWAJIBKAN) ** HANYA PENAMA YANG TERCATAT PADA SIJIL PENDAFTARAN CIDB SAHAJA DIBENARKAN UNTUK DAFTAR DAN HADIR.	RM50.00

- Dokumen Sebutharga boleh dibeli dan maklumat lanjut boleh didapati semasa waktu pejabat di **Bahagian Kontrak Dan Ukur Bahan di Tingkat 18, Menara MBKT, Majlis Bandaraya Kuala Terengganu**
- Taklimat adalah **diwajibkan** dan hanya **kontraktor atau penama-penama** seperti dalam **Sijil Pusat Khidmat Kontraktor** yang menghadiri sesi taklimat tapak sahaja akan dibenarkan untuk mendaftar semasa taklimat tapak dan membeli dokumen sebutharga.
- Naskah Dokumen Sebut Harga hanya akan dikeluarkan kepada kontraktor dengan membawa **Sijil ASAL Perakuan Pendaftaran Kontraktor, Sijil Perolehan Kerja Kerajaan** yang dikeluarkan oleh **Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia** serta **Sijil Taraf Bumiputera** yang dikeluarkan oleh **Pusat Khidmat Kontraktor** beserta satu salinan fotostat bagi setiap salinan sewaktu membeli Dokumen Sebutharga. **Hanya Kontraktor atau Penama-penama seperti dalam Sijil Pusat Khidmat Kontraktor sahaja dibenarkan untuk membeli dokumen Sebutharga.**
- Dokumen Sebut harga akan dijual mulai pada hari **ISNIN 1 APRIL 2024** hingga **ISNIN, 8 APRIL 2024** yang boleh dibuat secara Wang Tunai /Deraf Bank yang dibuat atas nama:

"Datuk Bandar, Majlis Bandaraya Kuala Terengganu"

- Sebut harga ini akan ditutup pada hari SELASA, 9 APRIL 2024.** Dokumen sebut harga yang lengkap diisi hendaklah dihantar dalam sampul surat berlakri dan ditulis dengan "**Tajuk**" dan "**No. Sebut Harga**" berkenaan dan hendaklah dimasukkan ke dalam peti tender di **Bahagian Kontrak Dan Ukur Bahan di Tingkat 18, Menara MBKT, Majlis Bandaraya Kuala Terengganu** pada atau sebelum **jam 12.00 tengah hari** pada tarikh tutup tawaran .
- Majlis tidak terikat untuk menerima tawaran terendah ataupun mana-mana tawaran.
- Penyebut Harga yang berjaya tetapi enggan menjalankan kerja-kerja ini selepas tawaran dibuat atau menarik balik tawaran tersebut sebelum tempoh sahlaku sebut harga tamat akan disyorkan untuk diambil tindakan ke atas pendaftarannya dan juga akan menanggung segala kos perbezaan.

t.t

(ROSLI BIN LATIF)

Datuk Bandar,

Majlis Bandaraya Kuala Terengganu